

PERBANDINGAN DIALEK MELAYU KELANTAN DAN DIALEK MELAYU TERENGGANU

RIDUAN MAKHTAR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
riduan@kuis.edu.my

AIN ATIQAH LATIFF

Taman Didikan Kanak-Kanak Genius Aulad
ainatiqah95@yahoo.com

NUR EZZATI NABILAH BADARUDDIN

SJKC Jalan Davidson
miss_ezzaty94@yahoo.com

MOHD. FIRDAUS AZHARUDDIN

Maktab Rendah Sains Mara
firdausazahar94@gmail.com

ABSTRAK

Makalah ini membandingkan dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Terengganu dengan tumpuan kepada aspek penyebaran segmen konsonan dan vokal pada lingkungan awal, tengah dan akhir kata. Pendekatan struktural dimanfaatkan sepenuhnya dalam penganalisaan data dan persembahan dapatan kajian. Berasaskan reka bentuk kajian kualitatif, kajian ini menerapkan teknik temu bual, pemeran dan perakaman bagi proses pencuplikan data lapangan. Dapatkan membuktikan bahawa dialek Kelantan dan Terengganu mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan linguistik yang ketara. Dialek Kelantan mempunyai 18 fonem konsonan iaitu /p, b, t, d, k, ?, tʒ, dʒ, s, h, m, n, ɲ, l, w, j/ dan lapan fonem vokal iaitu /i, e, ε, ə, a, u, o, ɔ/ yang menempati posisi awal, tengah dan akhir kata. Manakala dialek Terengganu pula mempunyai 19 fonem konsonan iaitu /p, b, t, d, k, ?, tʒ, dʒ, s, h, m, n, ɲ, l, w, j/ dan lapan fonem vokal iaitu /i, e, ε, ə, a, u, o, ɔ/ yang juga menempati posisi awal, tengah, dan akhir kata. Perbezaan yang ketara pada kedua-dua kawasan ini adalah kewujudan rangkap konsonan /ŋ/ pada kedudukan akhir kata pada perkataan /pisəŋ/, /udəŋ/, dan /kacəŋ/. Penemuan ini diharap sedikit sebanyak dapat menyerlahkan varian dialek Kelantan di daerah Gua Musang serta perbezaan dan persamaannya dengan dialek Melayu Terengganu.

Kata kunci: Dialek Kelantan; dialek Terengganu; konsonan; struktural; vokal

COMPARISON OF KELANTAN MALAY DIALECT AND TERENGGANU MALAY DIALECT

ABSTRACT

This paper compares the Kelantan Malay dialect and the Terengganu Malay dialect with a focus on the aspect of the distribution of consonant and vowel segments at the beginning, middle and end of words. The structural approach is fully utilized in the data analysis and presentation of the study findings. Based on the qualitative study design, this study applies interview, casting and recording techniques for the field data retrieval process. The findings prove that the dialects of Kelantan and Terengganu have some similarities and significant linguistic differences. The Kelantan dialect has 18 consonant phonemes namely /p, b, t, d, k, ?, tʒ, dʒ, s, h, m, n, j, ɳ, l, w, j/ and eight vowel phonemes namely /i, e, ε, ə, a, u, o, ɔ/ which occupy the initial, middle and final positions of the word. While the Terengganu dialect has 19 consonant phonemes namely /p, b, t, d, k, ?, tʒ, dʒ, s, h, m, n, j, ɳ, l, w, j/ and eight vowel phonemes namely /i, e, ε, ə, a, u, o, ɔ/ which also occupy the initial, middle, and final positions of the word. A significant difference in these two areas is the existence of the consonant /ɳ/ at the final position of the word /pisanj/, /udanj/, and /kacanj/. It is hoped that this finding can to some extent highlight the Kelantan dialect variants in the Gua Musang district as well as its differences and similarities with the Terengganu Malay dialect.

Keywords: Kelantan dialect; Terengganu dialect; consonant; structural; vowel

PENGENALAN

Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu merupakan negeri yang terletak di Pantai Timur semenanjung Malaysia yang masing-masing berkeluasan 15,104.62 km² dan 12,955km². Kedudukan negeri ini adalah saling berjiranan antara satu sama lain menjadikannya mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain. Negeri Kelantan mengandungi 10 daerah iaitu Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, Machang, Pasir Putih, Bachok, Kuala Krai, Jeli, dan Gua Musang. Daerah-daerah yang berada di dalam negeri Kelantan iaitu Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Bachok, Tanah Merah, Pasir Putih, Kuala Krai, Machang, Gua Musang, dan Jeli. Manakala negeri Terengganu lapan daerah iaitu Besut, Setiu, Hulu Terengganu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Maran, Dungun, dan Kemaman.

Negeri Terengganu pula merupakan sebuah negeri yang secara umumnya menempati penutur dialek Melayu Terengganu. Berdasarkan perspektif kedudukan geografi, negeri Terengganu merupakan salah sebuah negeri yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan negeri Kelantan di utara dan negeri Pahang di barat. Di sebelah timurnya pula terdapat Laut China Selatan. Negeri Terengganu dibahagikan kepada tujuh buah daerah iaitu Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman. Walau bagaimanapun, kajian ini dilakukan dalam meneliti dialek Melayu Terengganu di daerah Kuala Terengganu yang mana dipercayai hanya memiliki satu sahaja varian iaitu dialek Melayu Terengganu (lihat juga, Shahidi et al. 2018).

Perbicaraan berkenaan dialek telah berlarutan sejak sekian lama baik dialek tempatan mahupun dialek luar. Antara pengkaji tempatan seperti Ajid Che Kob (2015), beliau telah mendefinisikan dialektologi dapat sebagai kajian tentang dialek. Manakala pengkaji luar seperti Mahsun (2014) telah menguraikan dialektologi sebagai subdisiplin linguistik yang mempelajari batas-batas dialek dan bahasa dalam suatu wilayah tertentu.

Asmah (1985) telah membuat pembahagian dialek-dialek Melayu di Semenanjung kepada tujuh kelompok atau kumpulan besar. Pertama Dialek Utara atau Dialek Kedah di bahagian Barat Laut yang meliputi kawasan Perlis, Kedah, Langkawi, Pulau Pinang, dan Utara Perak Utara hingga ke Taiping. Kedua Dialek Perak yang meliputi kawasan Perak Tengah. Ketiga Dialek Selatan yang meliputi Perak Selatan, Selangor, Melaka, dan Johor. Keempat Dialek Kelantan di bahagian Timur Laut Semenanjung meliputi Kelantan, kawasan-kawasan Pahang dan Terengganu. Manakala Dialek Terengganu di bahagian Timur Semenanjung. Dialek Pahang yang hanya terdapat di Pahang sahaja. Terakhir adalah Dialek Negeri Sembilan yang terdapat di Negeri Sembilan. Daripada tujuh kelompok dialek ini, dialek yang diberi perhatian adalah Dialek Terengganu dan Kelantan yang terletak di Pantai Timur.

SOROTAN KOSA ILMU & PERNYATAAN MASALAH

Telah ramai pengkaji yang telah melakukan kajian terhadap dialek Kelantan baik pengkaji dari barat mahupun pengkaji tempatan sendiri. Antara pengkaji baraat yang telah melakukan penelitian terhadap dialek Kelantan adalah Sturrock (1912), Pepys (1916), Brown (1926, 1956), dan Jeanner Cuisinier (1936) manakala tidak ketinggalan juga pengkaji tempatan yang telah membuat penelitian dialek Kelantan seperti Ismail Hussein (1973), Ajid Che Kob (1981, 1983), Asmah Haji Omar (1993), Abdul Hamid Mahmood (1994), Adi Yasran (2005), Zaharani Ahmad dan Norhashimah Jalaluddin dan Shariffulizan Malek (2011), Sakinah Nik Muhammad Naziman, Sharifah Raihan Syed Jaafar dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2014), Sharifah Raihan Syed Jaafar (2014), dan Nik Safiah Karim dan Rozita Che Rodi (2016). Pengkaji-pengkaji ini telah melakukan penelitiannya masing-masing berdasarkan objektif dan sudut pandang yang tersendiri.

Antara adalah kajian yang dilakukan terhadap dialek Kelantan adalah kajian dialektologi Geografi Pasir Mas oleh Ajid Che Kob (1985). Beliau menunjukkan bahawa dialek Kelantan di Pasir Mas mempunyai 20 fonem konsonan dan 8 fonem vokal. Kajiannya dilakukan di daerah Pasir Mas, Kelantan dengan meneliti dialek geografi kawasan tersebut. Abdul Hamid Mahmood (1994) pula telah melakukan perbandingan antara dialek Kelantan dengan bahasa Melayu dari segi fonologi, morfologi, ayat, dan leksikal. Hasil dapatan beliau menunjukkan bahawa cara mengucapkan kata-kata dalam dialek Kelantan adalah berbeza daripada mengucapkannya dalam bahasa Melayu. Selain itu, Adi Yasran (2005) turut menghuraikan inventori konsonan dialek Melayu Kelantan berdasarkan pendekatan Fonologi Optimaliti. Hasil dapatan beliau menunjukkan terdapat 16 fonem konsonan di dalam dialek Kelantan.

Manakala Asmah Haji Omar (1993), turut meneliti subdialek Kota Baharu yang dianggap oleh beliau sebagai dialek Kelantan yang standard. Subdialek ini digunakan oleh golongan-golongan atasan di Kelantan (jika mereka tidak menggunakan bahasa standard) dalam pertuturan mereka, bahkan dalam pertuturan sehari-hari pun. Subdialek Kota Baharu dituturkan di daerah Kota Baharu dan berpusat di Kota Baharu sendiri. Hasil dapatan menunjukkan subdialek Kota Bharu lebih banyak menerima pengaruh dari bahasa Melayu standard, khususnya dalam perbendaharaan kata, jika dibandingkan dengan subdialek-subdialek lain. Terdapat juga beberapa kajian terbaru yang telah melakukan kajian terhadap

dialek Kelantan. Misalnya antara lainnya kajian oleh Adi Yasran (2010) dan Shahidi & Rahim (2010). Beliau telah meneliti inventori vokal dialek Melayu Kelantan. Hasil dapatan beliau menunjukkan terdapat menunjukkan bahawa dialek Kelantan mempunyai enam fonem vokal sahaja, iaitu /a, e, i, o, u, ə/. Shahidi & Rahim (2010) pula cuba menyerlahkan pola pertuturan penutur Kelantan ketika berbahasa Melayu standard. Kajian tersebut telah memanfaatkan kaedah spektrografik bagi memerihalkan ciri akustik dialek Kelantan yang wujud dalam pertuturan penutur.

Namun begitu, kebanyakan pengkaji yang telah melakukan penelitian terhadap dialek Kelantan memfokus kepada satu-satu kawasan sahaja dan tidak melakukan penelitian pada kawasan yang lebih luas. Kelompongan yang ditinggalkan oleh pengkaji lalu memberi ruang kepada penulis untuk mengisi ruang kelompongan tersebut. Oleh sebab itu, maka pengkaji telah memilih dan melakukan perbandingan dialek Kelantan di hulu dan hilir Sungai Kelantan.

OBJEKTIF KAJIAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), objektif merujuk kepada sesuatu yang khusus yang ingin dicapai. Mahsun (1995), telah menjelaskan terdapat perbezaan fonologi dapat dikelompokkan kepada 4 kelompok iaitu korespondensi vokal, variasi vokal, korespondensi konsonan, dan variasi konsonan seperti pembahagian dalam jenis-jenis perubahan bunyi. Oleh itu, kajian ini akan membuat perbandingan dialek Kelantan dan dialek Terengganu dengan menggunakan pendekatan struktural dengan melihat kehadiran fonem segmental konsonan dan vokal pada posisi awal, tengah, dan akhir kata.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian dalam sesuatu kajian biasanya terbahagi kepada dua iaitu kajian kepustakaan dan lapangan. Kajian kepustakaan merujuk kepada usaha pengkaji meneroka, memperoleh dan memanfaatkan maklumat-maklumat penting yang relevan dengan kajian pengkaji daripada sumber-sumber tertentu seperti perpustakaan arkib, muzium, dan jurnal. Dalam proses melengkapkan kajian ini, kajian kepustakaan sangat berguna dalam konteks mendapatkan maklumat berhubung kajian-kajian lepas, teori, dan metodologi kajian lapangan. Rujukan dibuat bagi mendapatkan garis panduan, pengertian, fakta, dan kefahaman bagi setiap istilah yang diperlukan. Kajian lepas yang mempunyai hubungan dengan dialektologi juga dibuat sebagai panduan kepada pengkaji khususnya yang berkaitan dengan negeri Kelantan.

Menurut (Mohd Sheffie Abu Bakar, 1995) kajian kepustakaan ialah kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod tersedia. Terdapat dua bentuk dokumen iaitu dokumen primer dan dokumen sekunder. Dokumen primer adalah dokumen rujukan utama manakala dokumen primer adalah rujukan kedua selepas dokumen primer. Tujuan utama kajian kepustakaan adalah bagi mendapatkan maklumat awal yang berkaitan dengan kajian yang ingin dilakukan sebelum pengkaji melakukan kajian di lapangan. Sesebuah kajian yang baik memerlukan penelitian yang mendalam bagi mendapatkan gambaran awal mengenali rupa bangsa dan organisasi sosial, kawasan kajian, permasalahan yang timbul dalam sesebuah kajian, objektif kajian, dan penyelesaian yang akan di ambil.

Kajian lapangan terbahagi kepada dua bahagian iaitu kajian lapangan huluan dan kajian lapangan hiliran. Menurut Asmah Haji Omar (2008), kajian lapangan boleh disamakan dengan *field linguistics* yang telah digunakan oleh William J. Samarin (1967). Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini bersifat huluan iaitu kajian ini dilakukan di kawasan-kawasan kampung atau

pedalaman. Kajian lapangan atau kajian luar dalam pengertian umum merujuk kepada apa sahaja penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang di luar kongkongan fizikal, tempat, atau ruang seperti di luar bilik, di luar pejabat, di luar kampus, di luar negeri, dan sebagainya. Menurut Asmah Hj Omar (2008), kajian lapangan memerlukan kriteria-kriteria penting bagi mendapatkan maklumat dan data yang baik seperti cara merakam, pengumpulan data dan mengumpul kata.

Teknik yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual, pemerhatian, dan merakam. Pengkaji telah memanfaatkan pertuturan lapan orang informan yang terdiri daripada tiga orang penutur natif dialek Kelantan yang menetap di daerah Gua Musang dan lima penutur natif dialek Terengganu yang menetap di daerah Kuala Terengganu. . Tiga orang informan penutur natif dialek Kelantan tersebut terdiri daripada seorang tok batin dan dua orang penduduk kampung yang berusia sekitar 60-65 tahun. Tok batin merupakan informan lelaki manakala dua orang lagi adalah informan perempuan. Dua orang informan lelaki penutur natif dialek Terengganu pula terdiri daripada penduduk kampung yang tiada pekerjaan tetap (mengambil upah harian sebagai buruh tempatan) manakala tiga orang lagi adalah informan perempuan yang berstatus surirumah sepenuh masa. Mereka berusia sekitar 55-65 tahun dan merupakan penduduk tetap di daerah Kuala Terengganu dan penutur natif dialek Terengganu. Kelapan-lapan informan berada dalam keadaan sihat fizikal dan mental semasa proses temubual dijalankan serta tiada kecacatan organ pertuturan. Menurut Ajid Che Kob (1985) informan perempuan lebih baik berbanding informan lelaki kerana informan perempuan lebih '*Non-Mobile*' berbanding informan lelaki. Namun begitu, kajian ini menggunakan informan lelaki dan perempuan sebagai informan kajian kerana kedua-dua jantina adalah baik dalam kajian ini.

Pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini adalah pemerhatian sebagai pemeran. Menurut Asmah Haji Omar (2008), pemerhatian sebagai pemeran ialah penyelidik ikut sama-sama dengan subjek dalam kegiatan yang berlaku dan dengan itu merupakan sebahagian daripada komuniti yang dikajinya. Kajian ini turut mengambil kira aplikasi syarat pemilihan informan melalui kaedah yang digunakan oleh Chambers dan Trudgill (1990) iaitu dengan pendekatan NORMs, yang membawa akronim bagi '*Non-Mobile*', '*Old*', '*Rural*', dan '*Male*'.

Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji telah melihat kepada kesesuaian keadaan semasa kajian dilakukan dalam konteks pemilihan informan. Keadaan ini bertepatan dengan konsep informan yang dibawa oleh William J. Samarin (1993) iaitu, informan adalah seorang yang membantu pengkaji dengan contoh bahasa, sama ada sebagai ulangan daripada yang telah diujarkan, atau rekaan ujaran yang akan mungkin diperkatakan orang. Oleh itu dalam hal ini, informan lelaki dan informan perempuan dipilih dalam mendapatkan data kajian kerana kedua-dua informan memiliki kelebihannya masing-masing. Asas dalam pemilihan seseorang informan mestilah data yang diperoleh adalah asli dan memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu tinggal di kawasan tersebut sejak kecil, umur yang tua, tidak kira sama ada berjantina lelaki atau perempuan.

Menurut Kamus Linguistik (1997), korpus ialah data mentah linguistik yang dikutip daripada kerja lapangan atau teks bertulis, dan dianalisis untuk membuat pernyataan saintifik tentang ciri fonologi, tatabahasa, atau leksikal sesuatu bahasa. Kamus Dewan (2010), korpus adalah himpunan makalah mengenai sesuatu perkara tertentu atau kumpulan bahan untuk kajian. Menurut Ajid Che Kob (1984) korpus yang digunakan di dalam kajian mengenai dialek geografi adalah berbagai-bagai mengikut kawasan tempat dan masyarakat yang hendak di kaji. Kajian ini telah mengaplikasikan senarai kata daripada Ajid Che Kob (1985) dalam kajian beliau bertajuk Dialek Geografi Pasir Mas. Kebanyakan senarai kata yang di ambil daripada kajian beliau, beberapa pengubahsuaihan telah dilakukan terhadap senarai kata bagi menjadikan senarai kata yang dibina sesuai dengan kawasan kajian dari aspek geografi, sosial, dan ekonomi informan kajian.

PENDEKATAN STRUKTURAL

Kajian yang dilakukan telah memanfaatkan pendekatan structural sebagai salah satu daripada pendekatan kajian. Pendekatan struktural diperkenalkan oleh Leonard Bloomfield dalam bukunya *language* pada tahun 1933. Pendekatan yang digunakan ini adalah wajar kerana bertepatan dengan tujuan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji. Dialektologi Struktural bermula pada tahun 1954, apabila terbitnya satu makalah yang bertajuk ‘*Is a structural dialectology possible?*’ yang dikarang oleh Uriel Weinreich. Tajuk ini mencabar kerana pada masa itu ahli-ahli bahasa lebih cenderung berpegang pada pendapat bahawa sesuatu sistem bahasa hendaklah dikaji secara berasingan tanpa merujuk pada sistem-sistem lain. Sistem fonemik bagi sesuatu ragam bahasa dikaji dengan berdasarkan satu prinsip yang terkenal iaitu penyebaran bunyi yang melengkapi, keserupaan bunyi, dan kewujudan pasangan-pasangan minimal bagi ragam yang dikaji.

Menurut Zaharani (1993), berdasarkan ciri-ciri linguistik, sama ada dari segi fonologi, morfologi, dan sintaksis, ternyata dialek-dialek dalam sesuatu bahasa itu mempunyai banyak persamaan dan juga perbezaan di antara satu sama lain. Persamaan yang wujud itu menggambarkan dialek-dialek tersebut mengekalkan ciri-ciri yang diwarisi bersama. Manakala perbezaan ini pula menunjukkan mereka telah mengalami perkembangan secara tersendiri dan terpisah daripada dialek-dialek lain.

Hasil daripada keinginan untuk mengkaji kepelbagaiannya yang wujud atau variasi dalam dialek-dialek bagi sesuatu bahasa itulah munculnya kajian dialektologi. Menurut Collins (1993), dialektologi seperti semua penyelidikan ilmiah, bertujuan untuk mendapatkan penjelasan. Dialektologi harus menampilkkan penjelasan yang menyeluruh tentang hubung kait antara dialek di antara sesuatu lingkungan geografi. Oleh yang demikian, sistem data merupakan keterangan yang hidup dan yang saling berhubung kait. Segala maklumat yang ada hendaklah digunakan untuk menginterpretasikan hasil kerja lapangan linguistik dan penyelidikan dialek.

Terdapat kajian dialektologi iaitu kajian dialektologi sosiolinguistik yang memberi tumpuan kepada bahasa yang digunakan di bandar secara keseluruhan yang tidak dikaji dalam dialektologi tradisional dan menurut Chamber dan Trudgill (1990), kajian dialek yang pertama sekali yang layak dianggap sebagai dialek geografi ialah kajian yang dilakukan oleh George Wenker di negeri Jerman pada tahun 1876. Dalam kajian tersebut, Wenker telah menggunakan pendekatan dengan menghantar satu senarai ayat dalam bahasa Jerman kepada guru-guru besar di utara negeri Jerman dan meminta mereka memadankan ayat-ayat itu dengan sebutan yang menggunakan dialek tempatan. Kaedah ini telah digunakan beberapa kali antara tahun 1877-1887 sehingga kajian ini telah meliputi seluruh negeri Jerman. Luas cakupan kajian ini sungguh mengagumkan.

Menurut Chambers dan Trudgill (1990), usaha Wenker telah dibaiki oleh Mitzka dalam tahun 1934 dengan menokok tambah data Wenker dengan mengirimkan satu senarai mengandungi 200 item leksikal dalam bahasa Jerman standard kepada 50 ribu buah sekolah menengah dan meminta guru-guru memberi padanannya dalam dialek tempatan. Namun pada umumnya, amalan menghantar soal selidik secara pos telah digantikan dengan cara menghantar pemerhati-pemerhati terlatih ke lapangan. Pemerhati-pemerhati ini menjalankan temu bual dan merakamkan data-data dalam bentuk catatan fonetik yang tekal. Penggunaan petugas lapangan terlatih untuk mengumpulkan data telah bermula dalam satu kajian bahasa yang dilakukan di negeri Perancis dalam tahun 1896 oleh Jules Gillieron yang secara sedar telah berusaha memperbaiki kaedah yang diperkenalkan oleh Wenker. Beliau telah memilih seorang petugas lapangan iaitu Edmont seorang pekedai runcit yang terkenal kerana ketajaman pendengarannya

dan telah dilatih menggunakan catatan fonetik secara tekal untuk mencatat jawapan pada soal selidik.

Menurut Abdullah Hassan (1980), analisis deskriptif terbit dari kaedah tradisi yang menghuraikan struktur bahasa, termasuklah bunyinya. Bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan akan dipecahkan mengikut keadaan dan diberi lambang yang sesuai dengannya. Bunyi-bunyi tersebut akan dikelaskan kepada jenis berdasarkan ciri fonetik yang wujud. Kaedah ini memerlukan penjelasan dan huraian data tentang ciri bahasa yang wujud.

Menurut William J. Samarin (1993), transkripsi fonetik adalah penting kerana ia dapat menentukan sama ada sesuatu kajian itu berjaya atau tidak. Dalam kajian ini, transkripsi fonetik digunakan untuk menunjukkan secara tepat bunyi atau ciri-ciri bunyi yang terdapat dalam ujaran yang dianalisis. Data mentah akan dianalisis ke dalam bentuk transkripsi yang menggunakan lambang antarabangsa atau *International Phonetics Alphabet* (IPA). Menurut Samarin (1993) juga, pada awal kerja transkripsi penyelidik perlu membuat satu senarai unsur fonetik yang telah direkod. Pemaparan data dilakukan dengan menggunakan jadual atau rajah, atau apa-apa yang dapat menyusun data secara instruktif.

Selain itu, kaedah pemaparan data atau penyajian hasil analisis melibatkan penggunaan istilah-istilah teknikal seperti fonologi, rekonstruksi, pengelompokan, inovasi, retensi, fonem, fonetik, fonemik, dan sebagainya. Dalam pemaparan data juga, penyelidik akan menggunakan simbol atau lambang tertentu seperti;

- i. Kurung miring (//), mengapitkan unsur fonologi;
- ii. Simbol (/) melambangkan di persekitaran;
- iii. Kurung siku ([]), mengapit unsur bunyi;
- iv. Simbol (#), melambangkan dalam lingkungan tertentu;
- v. Simbol (>), melambangkan berubah menjadi;
- vi. Simbol (<), melambangkan berkembang dari;
- vii. Simbol (ø), melambangkan segmen yang digugurkan.

Terdapat beberapa ciri-ciri aliran struktural iaitu:

1. Berlandaskan kefahaman behavioristik.

Selari dengan kefahaman behaviorisme, proses berbahasa merupakan suatu proses menanggapi (stimulus-respon). Setiap manusia mengujarkan pada dasarnya respon daripada suatu stimulus.

2. Bahasa berupa ujaran.

Ciri ini menunjukkan bahawa hanya ujaran saja yang disebut sebagai bahasa. Bentuk-bentuk kewujudan selain ujaran tidak dapat digolongkan sebagai bahasa dalam erti kata yang sebenar, termasuk juga tulisan. Bahasa benar-benar berbeza dengan tulisan, sedangkan bunyi atau fonem benar-benar dibezakan dengan huruf.

3. Bahasa merupakan sistem tanda (signifie dan significant)

Pada hakikatnya, bahasa adalah sistem tanda. Sistem tanda tersebut bersifat arbitrer dan konvensional. Sistem tanda dalam bahasa berupa *signifie* (tertanda) sedangkan sisi yang lain berupa *signifiant* (penanda).

4. Bahasa merupakan faktor kebiasaan (habit)

Aliran struktural berkeyakinan bahawa teorinya benar dan dapat memberikan bukti yang menyakinkan. Bahasa benar-benar merupakan faktor kebiasaan. Faktor kebiasaan merupakan salah satu daripada penerapan pemberian latihan yang terus-menerus dan berulang-ulang sehingga akhirnya membentuk suatu kebiasaan.

5. Kegramatikaluan berdasarkan keumuman

Bentuk dan struktur bahasa yang sudah biasa dipakai atau yang gramatikal. Bentuk-bentuk yang secara kaedah sebenarnya betul akan tetapi belum biasa dipakai atau belum umum, maka bentuk tersebut terpaksa dinyatakan sebagai bentuk yang tidak

gramatikal. Oleh itu, standard yang digunakan untuk menetapkan kegrammatikalannya sesuatu bahasa adalah standard umum dan bukan standard kaedah atau norma.

6. Aras gramatikal ditegakkan secara rapi.

Aras-aras gramatikal mula ditegakkan dari aras terendah berupa fonem sehingga aras tertinggi yang berupa kalimat. Secara berturut-turu aras atau tataran gramatikal adalah morfem, kata, frasa, klausa, dan kalimat.

ANALISIS KAJIAN

Pada bahagian ini pengkaji akan membincangkan dengan teliti berkenaan dengan dialek Kelantan dan dialek Terengganu dengan memaparkan penyebaran konsonan dan vokal yang menempati dalam ketiga-tiga posisi dalam kata iaitu awal, tengah, dan akhir kata.

Sistem Fonem Konsonan Dialek Melayu Kelantan di Kg. Limau Kasturi (KLK) dan Pulau Suri (PS)

JADUAL 1: Penyebaran Konsonan Dialek Kelantan

Cara Sebutan	Daerah Sebutan		Dua Bibir	Gigi-Gusi	Lelangit Keras	Lelangit Rembut	Pita Suara
Letupan/Plosif	Tbs		p	t		k	?
	Bs		b	d		g	
Letusan/Afrikat	Tbs				ts		
	Bs				dʒ		
Geseran/Frikatif	Tbs			s			h
	Bs						
Sengau/Nasal	Tbs						
	Bs		m	n	jn	ŋ	
Sisian/Lateral	Tbs						
	Bs			l			
Separuh Vokal	Tbs					j	
	Bs		w				

JADUAL 2: Penyebaran Konsonan Letupan/Plosif dalam Dialek Kelantan

Bil	Konsonan Letupan/ Plosif	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		DK	GLOS	DK	GLOS	DK	GLOS
1	[p]	[piŋge]	pinggang	[kapon]	kampung	-	-
		[pah]	lepas	[gapə]	apa	-	-
		[paka]	talapia	[talapija]	talapia	-	-
2	[b]	[ble]	sambil	[yəbəh]	rebah	-	-
		[bajε]	bayam	[sbule]	sebulan	-	-
		[budə?]	budak	[sbələh]	sebelah	-	-

3	[t]	[tə?] [taŋə]	tidak tanya	[yəti] [kitə]	reti kita	-	-
4	[d]	[dəmə] [dʒaɔh] [dʒah]	awak jauh sahaja	[tidə] [ladə]	tidur lada	-	-
5	[k]	[kətʃə?] [kitə] [kidʒə]	kerja kita kerja	[paka] [təʔke] [blake]	pakai takkan belakang	-	-
6	[g]	[ga?] ..	kata pengeras	[dʒugə?] [tigə] [pingε]	juga tiga pinggang	-	-
7	[?]	..	-	[taʔdə?]	tiada	[tə?] [anə?] [byənə?]	tidak anak beranak

Jadual 2 di atas menunjukkan penyebaran konsonan letupan/plosif dialek Kelantan. Konsonan letupan yang terdapat dalam dialek Kelantan ialah konsonan letupan dua bibir, gigi gusi, lelangit keras, lelangit lembut dan pita suara. Konsonan letupan yang wujud adalah /p, b, t, d, k, g, ?/. Kehadiran konsonan letupan /p, b, t, d, k, g/ menempati pada kedudukan awal dan tengah kata dan tidak menunjukkan kehadiran pada kedudukan akhir kata seperti dalam jadual 2 di atas. Manakala bagi konsonan letupan/?/ tidak menunjukkan kehadiran pada kedudukan awal kata dan hanya menunjukkan kehadiran pada kedudukan tengah dan akhir kata seperti yang dapat dilihat pada jadual 2 di atas.

JADUAL3: Penyebaran Konsonan Letupan/Plosif dalam Dialek Terengganu

Glos	Dialek Terengganu
perut	[pəχə?]
kepak	[kəpə?]
buluh	[buləh]
kerbau	[kuba]
tangan	[taŋaŋ]
batu	[batu]
duku	[duku]
tanduk	[tandə?]
kaki	[kaki]
goreng	[gɔχəŋ]
pagar	[pagə]

Terdapat tujuh bunyi letupan dalam dialek Terengganu iaitu /p, b, t, d, k, g, ?/ iaitu sama dengan kewujudan dalam dialek Kelantan. Kehadiran enam bunyi /p, b, t, d, k, g/ berlaku pada kedudukan awal dan tengah kata dalam dialek Terengganu, manakala Konsonan plosif

yang wujud di posisi akhir kata dalam Bahasa Melayu digantikan dengan hentian glotis tidak bersuara /ʔ/.

JADUAL 4: Penyebaran Konsonan Letusan/Afrikat dalam Dialek Kelantan

Bil	Konsonan Letusan/ Afrikat	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		DK	GLOS	DK	GLOS	DK	GLOS
1	[tʃ]	[tʃitʃɔʔ]	cicak	[kətʃeʔ]	bercakap	-	-
		[tʃətʃɔʔ]	cucuk	[kətʃin]	kencing		
		[tʃabe]	cabang	[tʃitʃɔʔ]	cicak		
2	[dʒ]	[dʒaɔh]	jauh	[kidʒɔ]	kerja	-	-
		[dʒah]	sahaja	[tudʒɔh]	tujuh		
		[dʒatuh]	jatuh	[bandʒ]	banjir		

Jadual 4 di atas menunjukkan penyebaran konsonan letusan/afrikat dalam dialek Kelantan. Hasil kajian menunjukkan bahawa konsonan geseran /tʃ/ dan /dʒ/ yang menempati kedudukan awal dan tengah kata manakala tidak menunjukkan kehadiran pada kedudukan akhir kata. Data penyebaran bagi bunyi konsonan letusan dapat dilihat pada Jadual 4 di atas.

Manakala konsonan afrikat turut wujud iaitu konsonan afrikat tidak bersuara /ʃ/ dan bersuara /dʒ/. Akan tetapi, kehadiran kedua-dua konsonan afrikat ini adalah terhad dan boleh hadir pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Lihat contoh penyebaran konsonan afrikat /ʃ/ dan /dʒ/ dalam Jadual 5 dan 6 berikut.

JADUAL 5: Penyebaran Konsonan Frikatif dalam Dialek Terengganu

Glos	Dialek Terengganu
cengkeh	[ʃəkeh]
cucu	[ʃuʃu]
jelawat	[dʒəlawə?]
hijau	[idʒa]

JADUAL 6: Penyebaran Konsonan Frikatif dalam Dialek Terengganu

Glos	Dialek Terengganu
atap	[ata?]
sebab	[səba?]
kunyit	[kupe?]
ahad	[aha?]
sisik	[sise?]

JADUAL 7: Penyebaran Konsonan Geseran/Frikatif dalam Dialek Kelantan

Bil	Konsonan Geseran/ Frikatif	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		DK	GLOS	DK	GLOS	DK	GLOS
1	[s]	[situ]	situ	[bəsə]	biasa	-	-
		[suŋa]	sungai	[bəsa]	besar	..	-
		[syatuh]	seratus	[pasa]	pasar		
2	[z]	[ziŋ]	zink	[bezo]	beza	..	-
3	[h]	[haiwe]	haiwan	[pyahu]	perahu	[təjəh]	tanah
				[tahoŋ]	tahun	[ginih]	begini
				[maha]	mahal	[pajəh]	payah

Seterusnya adalah berkenaan konsonan geseran/frikatif dalam dialek Kelantan. Konsonan yang terlibat dalam perbincangan ini adalah /s/, /z/, dan /h/ yang telah menunjukkan kehadiran dalam kata. Penyebaran konsonan /s/ dan /z/ berlaku pada posisi awal dan tengah kata dan tidak menunjukkan kehadiran pada posisi akhir kata. Manakala bagi konsonan /h/ pula menempati pada ketiga-tiga posisi dalam kata. Keadaan ini dapat dilihat pada Jadual 7 di atas.

JADUAL 8: Penyebaran Konsonan Sengau/Nasal dalam Dialek Kelantan

Bil	Konsonan Sengau/ Nasal	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		DK	GLOS	DK	GLOS	DK	GLOS
1	[m]	[manih]	manis	[dəmə]	awak	-	-
		[make]	makan	[ŋəmə]	mengemop		
		[matʃəmatʃə]	macam-macam	[yuməh]	rumah		
2	[n]	[nasiŋ]	nasi	[anɔŋ]	anak	-	-
		[nanə]	menanam	[byanɔŋ]	beranak		
		[nih]	ini	[sini]	sini		
3	[ŋ]	[ŋawə]	nyawa	[baŋɔŋ]	banyak	-	-
		[ŋakiŋ]	penyakit	[koluponə]	Kuala Lumpurnya		
4	[ŋ]	[ŋəmɔŋ]	mengemop	[pinge]	pinggan	[kapoŋ]	kampung
				[tinggi]	tinggi	[gatoŋ]	gantung
				[dʒaŋguŋ]	janggut	[pipiŋ]	pimpin

Manakala penyebaran bagi konsonan sengau/nasal iaitu /m/, /n/, /ŋ/, dan /ŋ/. Dapatan data menunjukkan konsonan /m/, /n/, dan /ŋ/ menunjukkan kehadiran pada posisi awal dan tengah kata manakala tidak menunjukkan kehadiran pada posisi akhir kata. Sedikit perbezaan berlaku bagi konsonan /ŋ/ di kawasan KLK dan PS. bagi kawasan PS menunjukkan kehadiran konsonan sengau /ŋ/ hanya pada posisi awal dan akhir kata manakala tidak menunjukkan kehadiran pada akhir kata. Berbeza dengan dengan kawasan KLK yang menunjukkan kehadiran pada ketiga-tiga segmen dalam kata iaitu awal, tengah, dan akhir kata seperti yang dapat di lihat pada Jadual 8 (nombor 4) di atas.

Dalam dialek Terengganu terdapat empat jenis bunyi konsonan nasal antaranya seperti konsonan nasal bilabial /m/, nasal alveolar /n/, nasal palatal /ɲ/ dan nasal velar /ŋ/. Walaupun begitu, penyebaran konsonan nasal /m/, /n/ dan /ɲ/ tidak begitu meluas seperti konsonan nasal /ŋ/. Hal ini kerana ketiga-ketiga konsonan nasal berkenaan hanya boleh hadir di lingkungan awal dan tengah kata sahaja. Manakala konsonan nasal /ŋ/ boleh ditemui pada semua lingkungan kata. Lihat contoh-contoh di bawah:

JADUAL 9: Penyebaran Konsonan Nasal dalam Dialek Terengganu

Glos	Dialek Terengganu	BMS
makan	[makaŋ]	[makan]
sampai	[sampa]	[sampai]
nipis	[nipih]	[nipis]
anak	[anɔ?]	[ana?]
kelapa	[ŋɔ]	[kəlapa]
nyamuk	[ŋamɔ?]	[ŋamu?]
kunyit	[kuŋe?]	[kunjit]
Angah	[ŋɔh]	[aŋah]
ringan	[ŋinŋaŋ]	[riŋan]

Berdasarkan contoh-contoh data di atas, perkataan dalam Bahasa Melayu yang diakhiri dengan konsonan nasal bilabial /m/ dan nasal alveolar /n/ digantikan dengan konsonan nasal velar /ŋ/ dalam dialek Terengganu (Jadual 9).

JADUAL 10: Penyebaran Konsonan Sisian/Lateral dalam Dialek Kelantan

Bil	Konsonan Sisian/ Lateral	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		DK	GLOS	DK	GLOS	DK	GLOS
1	[l]	[limɔ]	lima	[pulɔh]	puluh	-	-
		[ləni]	sekarang	[kluwagɔ]	keluarga		
		[laɛŋ]	lain	[buləh]	boleh		

Jadual 9 di atas pula menunjukkan penyebaran konsonan sisian/lateral /l/ pada kedua-dua kawasan KLK dan PS. Hasil dapatan menunjukkan konsonan /l/ hanya menempati pada posisi awal dan tengah kata sahaja dan tidak menunjukkan kehadiran pada posisi akhir kata.

JADUAL 11: Penyebaran Konsonan Separuh Vokal dalam Dialek Kelantan

Bil	Konsonan Separuh Vokal	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		DK	GLOS	DK	GLOS	DK	GLOS
1	[w]	[wa?]	buat bagi	[buwɔh]	buah dua	-	-

		[wi]		[duwɔ]	keluarga		
				[kluwago]			
2	[j]	[ja]	ya	[dijɔ]	dia	-	-
				[bijalah]	biarlah		

Bagi penyebaran konsonan separuh vokal /w/ dan /j/ pula, dapatan menunjukkan kehadiran dalam kata meliputi kedudukan awal dan tengah kata dan masing-masing tidak menunjukkan kehadiran pada posisi akhir kata dalam kedua-dua kawasan KLK dan PS (Jadual 10).

Manakala konsonan separuh vokal labio-velar /w/ dan separuh palatal /j/ turut wujud dalam sistem fonologi bagi dialek Terengganu. Bunyi-bunyi ini hanya boleh hadir pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Berikut merupakan contoh penyebaran fonem /w/ dan /j/ dalam dialek Terengganu (Jadual 11).

JADUAL 12: Penyebaran Konsonan Separuh Vokal/Palatal Dialek Terengganu

Glos	Dialek Terengganu		BMS
waktu	[wa?tu]		[wa?tu]
bawang	[bawaj]		[bawan]
moyang	[jan]		[mojan]
yu	[ju]		[ju]
ayah	[ajoh]		[ajah]

JADUAL 13: Penyebaran Rangkap Konsonan Dialek Melayu Kelantan

Bil	Rangkap Konsonan	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		DK	GLOS	DK	GLOS	DK	GLOS
1	?bɣ?	[bɣəti]	berhenti	..	-	-	-
2	?tʃ?	..	-	[mə?tʃi?]	makcik	-	-
3	?p?	..	-	[ta?pɔ]	tidak	-	-
					mengapa		
4	?ng?	[ŋəna?]	khianat	[buŋɔ]	bunga	-	-
5	?ndʒ?	..	-	[bandʒε]	banjir	-	-
6	?sb?	[səbɣε]	seberang	..	-	-	-
7	?sp?	[spita]	hospital	..	-	-	-
8	?sk?	[ski?]	sikit	..	-	-	-
9	?st?	[stəŋəh]	setengah	..	-	-	-
10	?sl?	[slama?]	selamat	..	-	-	-
11	?sy?	[səŋənə?]	seronok	[asʃama]	asrama	-	-
12	?ty?	[tyiməlah]	terimalah	..	-	-	-

Jadual 13 di atas menunjukkan kehadiran rangkap konsonan di KLK dan PS. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat 12 jenis rangkap konsonan yang ditemui iaitu /bɣ/, /tʃ/, /p/, /ng/, /ndʒ/, /sb/, /sp/, /sk/, /st/, /sl/, /sy/, dan /ty/ yang menempati pada posisi awal dan akhir kata sebagaimana dapat dilihat pada jadual di atas.

Sistem Fonem Vokal Dialek Melayu Kelantan

JADUAL 14: Inventori Fonem Vokal Dialek Melayu Kelantan di KLK dan PS

Bahagian Kedudukan	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	i		u
Separuh Tinggi	e		o
Separuh Rendah	ɛ	ə	ɔ
Rendah	a		

JADUAL 15: Penyebaran Fonem Vokal Dialek Melayu Kelantan

Bil	Jenis Vokal	Awalan Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		DK	GLOS	DK	GLOS	DK	GLOS
1	[i]	[ikɛ]	ikan	[sini]	sini	[ɣəti]	reti
		[itɛ]	hitam	[dijə]	dia	[sini]	sini
		[ilir]	hilir	[tigo]	tiga	[ləni]	sekarang
2	[u]	[udʒon]	hujung	[dʒugə?	juga	[baŋu]	baru
				[buwəh]	buah	[situ]	situ
				[du?]	duduk	[dagu]	dagu
5	[ɛ]	[ɛkɔ]	ekor	[kətʃə?]	bercakap	[ɔŋɛ]	orang
				[ɣəbəh]	rebah	[pingɛ]	pinggang
				[tehə]	tahan	[make]	makan
6	[ɔ]	[ɔŋɛ]	orang	[anɔ?]	anak	[tigo]	tiga
				[dʒaɔh]	jauh	[tidɔ]	tidur
				[yimɔ?]	remote	[saŋɔsajɔ]	saja-saja
7	[a]	[ase]	asam	[dʒauh]	jauh	[paka]	pakai
				[tambəh]	tambah	[kəda]	kedai
				[kawase]	kawasan	[bəsa]	besar
8	[ə]	..	-	[bəli]	beli	..	-
				[ləpah]	lepas		
				[kənɔ]	kena		

Perbincangan diteruskan dengan melihat penyebaran vokal dialek Kelantan yang dapat di lihat berdasarkan Jadual 14 di atas. Hasil tinjauan mendapati dialek Kelantan mempunyai 8 vokal iaitu /i/, /e/, /ɛ/, /ə/, /a/, /u/, /o/ dan /ɔ/. Dapatkan menunjukkan bahawa vokal /i/, /e/, /ɛ/, /a/, /u/, /o/ dan /ɔ/ menunjukkan kehadiran pada ketiga-tiga posisi dalam kata. Manakala bagi vokal /ə/ pula hanya memiliki kehadiran pada posisi tengah kata sahaja dan tidak menunjukkan kehadiran pada posisi awal dan akhir kata (Jadual 15).

Berbeza pula dengan penyebaran vokal yang berlaku dengan dialek Terengganu. Kehadiran vokal depan [i, e, a] menempati pada ketiga-tiga kedudukan dalam kata iaitu awal,

tengah, dan akhir kata. Manakala bagi [ɛ] hanya berlaku pada satu posisi sahaja iaitu kedudukan akhir kata sahaja. Hal ini dapat di lihat pada contoh jadual di bawah (Jadual 16)

JADUAL 16: Penyebaran Vokal Dialek Terengganu

Glos	Dialek Terengganu	BMS
isnin	[isniŋ]	[isnin]
duri	[duyi]	[duri]
ekor	[ekɔ̄]	[ekor]
kulit	[kuleʔ?]	[kulit]
panggil	[paŋge]	[paŋgil]
pasir	[pase]	[pasir]
atas	[atah]	[atas]
sungai	[suŋja]	[suŋai]

Selain itu, bunyi vokal belakang sempit /u/, vokal belakang separuh sempit /o/ dan vokal belakang separuh luas /ɔ/ menunjukkan kehadiran yang menyeluruh iaitu menempati pada semua posisi dalam awal, tengah, dan akhir kata. Manakala berbeza pula bagi vokal belakang /o/ yang hanya menunjukkan kehadiran pada posisi tengah dan akhir kata seperti yang dapat di lihat pada Jadual 17 di bawah.

JADUAL 17: Penyebaran Vokal Belakang Dialek Terengganu

Glos	Dialek Terengganu	BMS
udang	[udaŋ]	[udaŋ]
lutut	[lutoʔ?]	[lutut]
hempedu	[pədu]	[həmpədu]
sotong	[sutoŋ]	[soton]
botol	[boto]	[boto]

Di dalam dialek Terengganu juga terdapatkan vokal tengah /ə/. Kewujudan vokal ini tidak menyeluruh seperti vokal hadapan yang berlaku sebelum ini. Hal ini kerana, vokal ini hanya berada pada posisi tengah dan akhir kata sahaja. Penyebaran ini dapat di lihat dalam Jadual 18 di bawah.

JADUAL 18: Penyebaran Vokal Tengah Dialek Terengganu

Glos	Dialek Terengganu	BMS
beras	[bəras]	[bəras]
telur	[təlɔ̄]	[təlur]

lama	[lamə]	[lama]
muda	[mudə]	[muda]

KESIMPULAN

Hasil daripada analisis yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa dialek Melayu Kelantan di hulu dan hilir Sungai Kelantan tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Data kajian diambil dari lapangan dan informan kajian adalah daripada penduduk yang berumur sesuai dengan saranan pengkaji lepas seperti Ajid Che Kob dan kesesuaian semasa. Analisis data bermula pada penyebaran konsonan, vokal, dan diftong pada kedudukan awal, tengah, dan akhir kata di kedua-dua kawasan kajian hulu dan hilir. Hasil dapatan menunjukkan dialek Kelantan di kedua-dua kawasan mempunyai 18 konsonan, 8 vokal, dan 3 diftong yang sama. Perbezaan yang wujud adalah bagi kehadiran gugus konsonan /ng/ di kedudukan akhir kata di Kampung Limau Kasturi iaitu hulu Sungai Kelantan. Antara beberapa perkataan yang menunjukkan perbezaan antara kedua-dua kawasan adalah bagi perkataan /pisang, udang, dan pinggang/. Dari pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati, kehadiran konsonan letupan lelangit lembut /g/ biasanya wujud dalam dialek Terengganu.

RUJUKAN

- Abdul Chaer. *Linguistik Umum*. 2014. Penerbit Rineka Cipta.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adlin Syafini & Zaleha Embong. 2020. *Pengaruh Dialek Dalam Komunikasi Terhadap Keyakinan Diri Pelajar Sekolah Menengah di Kota Bharu, Kelantan*. International Online Journal of Language Communication, and Humanities.
- Ajid Che Kob. 2008. Subklasifikasi Dialek Melayu Patani-Kelantan-Terengganu: Satu Analisis Kualitatif. *Jurnal Melayu*, 3, 57-68.
- Azrizan Abu Bakar & Karim Harun. 2015. Penggunaan Kata Ganti Nama Dialek Kelantan Dalam Aplikasi Whatsapp. *Jurnal Melayu*, 14(2), 75-83.
- Idris Aman & Mohammad Azlan Mis. 2016. *Variasi Bahasa*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Fadzeli Jafar, Norsimah Mat Awal & Idris Aman. 2011. *Pengekalan Bahasa Dalam Penutur Dialek Berdasarkan Pendekatan Dialektologi Sosial Bandar*. International Seminar Language Maintenance and Shift.
- Mahsun. *Dialektologi Diakronis*. 1995. Universiti Gadjah Mada.
- Nasrun Alias & James T. Collins. 2017. Pendokumentasian Dialek Ulu Terengganu Sebagai Wahana Komunikasi: Satu Tinjauan Awal Aspek Morfologi. *Jurnal Melayu*, Isu Khas, 80-91.
- Norhaniza Abdul Khairi, Shahidi A. Hamid & Rahim Aman. 2021. Realisasi Kontras Penyuaraan Bunyi Plosif Awal Kata Dialek Melayu Patani Lenggong. *Jurnal Melayu*, 20(1), 215-223.

- Shahidi A. Hamid, Kartini Abd. Wahab & Sa'adiah Ma'alip. 2017. Tinjauan Buku Kesinambungan Linguistik Melayu. *Jurnal Melayu*, 16 (2), 323-326.
- William J. Samarin. *Linguistik Lapangan*. 1993. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman. *Lingusitik Melayu*. 2015. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Biodata Penulis:

Riduan Makhtar adalah pelajar lulusan sarjana di di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau kini bertugas sebagai ketua Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan (JKPK), Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Ain Atiqah Latiff adalah pelajar lulusan sarjana dalam bidang Kajian Bahasa Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau sekarang merupakan tenaga pengajar Taman Didikan Kanak-Kanak Genius Aulad

Nur Ezzati Nabilah Badaruddin adalah pelajar lulusan sarjana dalam bidang Kajian Bahasa Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau sekarang bertugas sebagai guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Jalan Davidson.

Mohd. Firdaus Azharuddin adalah pelajar lulusan sarjana falsafah dalam bidang Kajian Bahasa Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau sekarang bertugas sebagai tenaga pengajar di Maktab Rendah Sains Mara.